

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN
DARIPADA : PUAN JUNE LEOW HSIAD HUI
[HULU SELANGOR]
TARIKH : 23.10.2019 (RABU)
SOALAN : 11

minta **MENTERI PEMBANGUNAN LUAR BANDAR** menyatakan usaha-usaha Kementerian bagi mempromosikan produk yang dihasilkan oleh usahawan desa dan membantu golongan ini menembusi pasaran antarabangsa.

JAWAPAN:

Tuan Yang Di-Pertua,

1. Untuk makluman Yang Berhormat, Kementerian Pembangunan Luar Bandar (KPLB) telah melancarkan Pelan Harapan Pembangunan Luar Bandar 2018-2023 yang mempunyai enam (6) Teras pada 29 Oktober 2018. Di bawah **Teras 2 iaitu Ekonomi Luar Bandar Yang Berdaya Saing** melalui strategi keenam (ke-6) iaitu **Membangunkan Persekutaran Perniagaan yang Kondusif**, KPLB telah merancang satu (1) program yang dipanggil **Program Rural to Global (RTG)**.
2. Di samping itu, Dasar Pembangunan Luar Bandar telah dilancarkan pada 27 Jun 2019 juga telah menggariskan strategi bagi memperkasa pemasaran produk dan perkhidmatan keluaran usahawan luar bandar bagi membina rangkaian pasaran domestik dan global di bawah Teras 2 iaitu Keusahawanan Pemacu Pembangunan Ekonomi.
3. Dalam hal ini, program *Rural to Global* bertujuan membantu untuk membuka akses kepada pasaran antarabangsa terutamanya

usahawan-usahawan luar bandar yang telah menghasilkan produk berkualiti, memenuhi piawaian untuk dieksport, dan berpotensi untuk pasaran yang hendak diterokai.

4. Melalui program ini, KPLB telah menyertai dua (2) program promosi eksport bertaraf antarabangsa iaitu *Malaysia International Halal Showcase (MIHAS)* 2019 pada 3-6 April 2019 dan *Ekspo Malaysia Fest 2019* di Singapura pada 25-28 Julai 2019. Seramai 20 orang usahawan telah dibawa menyertai MIHAS 2019 dan telah menghasilkan pendapatan sebanyak RM1.709 Juta, manakala Ekspo *Malaysia Fest* 2019 pula telah disertai oleh 15 orang usahawan dengan jumlah pendapatan sebanyak RM3.3 Juta.
5. Selain itu, KPLB melalui Majlis Amanah Rakyat (MARA) turut membantu usahawan desa untuk menembusi pasaran antarabangsa melalui program **Gate to Global (GTG)**. GTG adalah program yang dilaksanakan dengan kerjasama strategik bersama MATRADE dan SME Corp. Sehingga kini, sebanyak 18 buah syarikat telah berjaya memasarkan produk ke pasaran global seperti China, Brunei, Singapura dan Emiriah Arab Bersatu.
6. Antara kemudahan yang disediakan oleh pihak MARA kepada usahawan yang menyertai program GTG adalah program latihan dan bimbingan, kemudahan bantuan kewangan dan penembusan pasaran Halal global. Sehingga Jun 2019, seramai 87 orang usahawan telah menerima manfaat melalui program tersebut.
7. KPLB juga mengambil inisiatif melaksanakan program Desamall@KPLB bagi memperluaskan pasaran produk usahawan luar bandar ke luar negara melalui pemasaran atas talian menggunakan platform Lazada, Shopee dan ebay. Melalui program ini, usahawan diberi latihan dan bimbingan seperti *product photoshoot*, urusan pesanan dan pembayaran atas talian. Sehingga kini, seramai 1,161 orang usahawan telah dilatih di bawah program Desamall@KPLB ini dan sejumlah 14,000 *stock keeping unit (SKU)* diniagakan di platform ini dengan nilai jualan RM1.25 juta.

Sekian, terima kasih.